

Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. : MPOB/COPCU/C05/0442/2025

29 Disember 2025

Semua Tapak Semaian Sawit Berdaftar CoPN

Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN PELANJUTAN PENANGGUHAN PELAKSANAAN PEMATUHAN
KLAUSA 4.3.2 CoPN EDISI KE 3 BAGI PENSIJILAN KOD AMALAN BAIK UNTUK
TAPAK SEMAIAN SAWIT (CoPN)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk surat pemakluman terdahulu bertarikh **19 April 2024 (MPOB/COPCU/C04/099/2024)** berkaitan perkara di atas.

2. Sebagaimana yang pihak tuan/puan telah dimaklumkan bahawa pengecualian pengauditan CoPN terhadap **Klausula 4.3.2 CoPN Edisi ke-3** iaitu keperluan bahawa semua sumber ramet mestilah diperoleh daripada pembekal yang mempunyai sijil Malaysian Standard MS 2099 dan berlesen dengan MPOB adalah berkuat kuasa sehingga **31 Disember 2025**.

3. Walaubagaimanapun, dimaklumkan bahawa Malaysian Standard MS 2099 edisi terbaharu masih belum diterbitkan secara rasmi sehingga kini. Sehubungan itu, bagi memastikan keseragaman pelaksanaan serta memberi tempoh yang mencukupi kepada semua pengusaha tapak semaian bagi persediaan audit, penangguhan pelaksanaan pematuhan terhadap Klausula 4.3.2 CoPN Edisi ke-3 dilanjutkan sehingga **30 Jun 2026**.

4. Semua pengusaha tapak semaian sawit adalah diminta untuk mengambil maklum mengenai lanjutan penangguhan ini dan memastikan persediaan awal dibuat bagi pelaksanaan penuh pematuhan tersebut. Sekiranya terdapat pertanyaan, sila hubungi pihak MPOB di talian 03-8911 0108/0097 atau emel secretariatcop@mpob.gov.my.

Sekian, terima kasih atas perhatian dan kerjasama pihak Tuan/Puan.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar,



DATUK DR. AHMAD PARVEEZ GHULAM KADIR
Ketua Pengarah



SIRIM
CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 02602

